

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN**  
**MOHD HARUN NARRASHID**  
**KAWASAN** : **KOTA TINGGI**  
**TARIKH** : **9.6.2014 (ISNIN)**  
**NO. SOALAN** : **136**

**Y.B. Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), dalam membantu dan mengkoordinasi usahawan-usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) supaya dapat menghasilkan serta memasarkan produk-produk halal ke peringkat antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui HDC telah memperkenalkan Program Transformasi Perniagaan Halal atau *Halal Business Transformation Programme* (HBT) bermula tahun 2011. Program ini bertujuan meningkatkan daya saing dan jualan produk-produk halal. Antara aktiviti yang dikoordinasi oleh HDC termasuklah aktiviti khidmat nasihat teknikal

bekenaan persijilan antarabangsa, padanan perniagaan dengan syarikat-syarikat multinasional dan perkhidmatan fasilitasi bagi mendapatkan bantuan kewangan dari institusi-institusi kewangan.

Bermula dengan penyertaan sebanyak 149 syarikat pada tahun 2011, kini bilangan tersebut telah bertambah kepada 520 syarikat. Program ini telah berjaya membantu syarikat-syarikat yang mengeluarkan produk halal menjana jualan dengan jumlah melebihi RM1.51 bilion atau secara purata RM500 juta setahun.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menggalakkan penglibatan syarikat-syarikat yang mengeluarkan produk halal tempatan di arena antarabangsa, HDC telah menjalinkan usahasama dengan 5 buah negara iaitu Jepun, Korea Selatan, China, Taiwan dan Hong Kong bagi membuka lebih banyak akses kepada pasaran produk halal dalam rantau Timur Jauh.

HDC bekerjasama dengan agensi-agensi pelaksana pembangunan usahawan seperti MARA dan TERAJU bagi melibatkan lebih ramai penyertaan usahawan tempatan dalam industri yang mengeluarkan produk dan menyediakan perkhidmatan halal. Melalui kerjasama ini beberapa inisiatif telah dilaksanakan. Antaranya ialah:

- a) menjenama semula 'Kawasan Industri MARA' kepada "Taman Halal MARA". Ia membuka lebih banyak ruang publisiti dan

seterusnya meningkatkan peluang untuk pengilang mendapatkan pembiayaan untuk pelaburan.

- b) HDC memainkan peranan sebagai fasilitator membantu mewujudkan akses kepada pasaran domestik serta global menerusi kerjasama dengan pasaraya besar seperti TESCO, MyDin, AEON dan Giant.
- c) HDC mengadakan bengkel-bengkel amalan baik dalam perniagaan seperti *Good Manufacturing Process (GMP)*, *Hazzard Analysis and Critical Control Point (HACCP)* dan HALAL bagi usahawan Bumiputera sebagai persediaan menembusi pasaran global.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

HDC juga menyelaras pembangunan taman-taman halal di Malaysia. Setakat ini, terdapat 21 Taman Halal diseluruh negara di mana 13 menepati garis panduan bagi status Halmas. Antara peluang perniagaan yang terdapat di taman halal adalah dalam sektor/industri pemprosesan makanan, kosmetik dan penjagaan diri, ramuan, farmaseutikal serta ternakan. Selain daripada itu, terdapat juga peluang perniagaan dalam bidang-bidang lain yang berkaitan dengan sektor/industri yang menyokong rantai halal seperti perkhidmatan logistik dan perbankan Islam.

Sehingga Februari 2014, sebanyak 130 syarikat telah beroperasi di taman-taman halal dengan jumlah pelaburan mencecah RM8.1 bilion di mana RM2.6 bilion (32 peratus) merupakan pelaburan tempatan dan mewujudkan lebih daripada 5,700 peluang pekerjaan. HDC juga akan membantu usahawan halal PKS di setiap taman halal dengan aktiviti khidmat nasihat teknikal berkenaan pensijilan halal Malaysia dan persijilan perkilangan antarabangsa serta menjalankan aktiviti padanan perniagaan dengan syarikat-syarikat multinasional dan perkhidmatan fasilitasi bagi mendapatkan bantuan kewangan daripada institusi-institusi kewangan. Di samping itu, MATRADE dan SME Corp. juga berperanan membantu PKS untuk mengembangkan pasaran ke peringkat global.

HDC juga mengumpul maklumat, data dan statistik berkaitan eksport barangan halal negara. Pada tahun 2013, negara telah mengeksport barangan halal bernilai RM32.8 bilion. Antara barangan yang dieksport termasuk makanan dan minuman, ramuan, derivatif kelapa sawit dan farmaseutikal ke negara China, Singapura, Amerika Syarikat dan Indonesia.